

KONSEP MATI (*AL-MAWT*) MENURUT PERSPEKTIF ‘ALĪ BIN ABĪ TĀLIB (R.‘A.)

Oleh:
Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali *

Abstract

This brief paper attempts to give insight into the meaning of al-mawt from the viewpoint of ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) especially with regard to the concept of al-mawt itself, the purpose of al-mawt and al-mawt as a purification process.

PENDAHULUAN

Artikel ini merupakan suatu perbincangan mengenai konsep *al-mawt* yang dilihat dari perspektif salah seorang tokoh terpenting dan terawal dalam perkembangan pemikiran Islam, ‘Alī bin Abī Tālib. Beliau juga dianggap mewakili zaman kenabian (s.‘a.w) kerana merupakan anak didik Rasulullah s.‘a.w. dan lahir daripada alam persekolahan Baginda s.‘a.w. Justeru itu, pemikiran beliau dianggap pemikiran yang paling hampir dengan Rasulullah (s.‘a.w).

PENGERTIAN *AL-MAWT* DARI SEGI BAHASA

Dari perspektif bahasa, perkataan mati (*al-mawt*) merujuk kepada pengertian sesuatu sama ada pancaindera,¹ akal² dan lain-lain³ yang hilang kekuatan atau kemampuan untuk hidup. Secara perbandingannya, ia bolehlah disamakan dengan buta yang menyebabkan mata tidak dapat melihat dan gelap yang tidak membolehkan (seseorang atau sesuatu) melihat cahaya.

Mati dikatakan berlawanan dengan hidup (*al-hayāh*),⁴ tetapi kedua-duanya adalah daripada ciptaan (*khalq*) Allah SWT. Mati dan hidup berkaitrapat dengan kedudukan

* Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Ph.D. adalah Prof. Madya dan Ketua Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹ Al-Qur'an, surah Maryam (19): 23, 66.

² Al-Qur'an, surah al-An'ām (6): 122; al-Naml (27): 80.

³ Al-Qur'an, surah al-Rūm (30): 50; Ibrāhīm (14): 17.

⁴ Ibn Faris (1369), *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, Baghdad: Maktabah al-Muthannā, cet.I, h. 273; Fairuzabadi (1379/1959), *Tartīb al-Qāmūs al-Muhiṭ*, al-Qāhirah, cet. I, IV, h. 263; E.W. Lane (1388/1968), *An Arabic - English Lexicon*, Beirut: Librairie du Liban, VII, h. 2741.

dan kewujudan roh. Justeru itu, sesuatu itu dikatakan hidup kerana roh masih berada di dalamnya dan hanya dikatakan mati apabila ia tidak lagi mempunyai roh.

Tidur (*al-nawm*) juga dianggap sebagai mati kerana pada masa seseorang itu tidur, akal (*al-'aql*) dan pergerakan (*al-harakah*) tidak berlaku. Walau bagaimanapun, tidur dikatakan sebagai mati yang ringan (*al-mawt al-khafif*) sedangkan mati pula sebagai tidur yang berat (*al-nawm al-thaqil*)⁵ dan di atas alasan tersebut, Allah SWT menggunakan perkataan *tawaffiyyan* untuk merujuk kepada persoalan mati.⁶

Secara ringkasnya, perkataan mati (*al-mawt*) bolehlah diberikan maksud sesuatu yang tidak mempunyai kekuatan, kemampuan dan keupayaan untuk hidup kerana ketiadaan roh.

PENGERTIAN *AL-MAWT* DARI SEGI ISTILAH

Dalam al-Qur'an, perkataan *al-mawt* disebutkan sebanyak lima puluh (50) kali dalam bentuk *mufrad*, dan enam (6) kali dalam bentuk jamak (*al-amwāt*).⁷ Di antara ayat-ayat yang berkaitan adalah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآيِقَةُ الْمَوْتِ

Pertama: "Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati." (Ali 'Imrān (3): 185)

وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ ذَلِكَ مَا كُنْتَ مِنْهُ تَحِيدُ

Kedua: "Dan datanglah *sakrat al-mawt* dengan sebenar-benarnya. Itulah yang selalu kamu lari daripadanya." (Qaf (50): 19)

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفْرُونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ رَمْلٌ قِيمٌ

Ketiga: "Katakanlah: Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu akan menemui kamu."⁸

⁵ Ibn Manzūr (1375/1956), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār Sadir, II, h. 90.

⁶ Al-Qur'an, surah al-An'ām (6): 60; al-Zumar (39): 42; Ali 'Imrān (3): 169. Lihat: Al-Raghib, *Al-Mufradāt fī Ghārib al-Qur'ān*, Tahqiq: Muhammad Sayyid Kaylānī (1381/1961), Mīṣr: Matba'ah Mustafā al-Bab al-Halabi, h. 781.

⁷ 'Abd al-Bāqī (1402/1982), *al-Mu'jam al-Mufahras li-Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah, h. 679.

⁸ Al-Qur'an, surah al-Jumu'ah (62): 8. Lihat sama: Surah al-Mulk (67): 1-2; al-Jumu'ah (62): 6-7; al-Majlisi (1412/1992), *Bihār al-Anwār al-Jāmi'ah li Durar Akhbār al-A'immah al-Athār*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, Mu'assasah al-Tārikh al-'Arabi, III, h. 161; al-Saduq (1402/1982), *al-I'tiqādāt al-Imāmiyyah*, (Terj: Asaf A.A.Fyzee), Tehran: WOFIS, h. 49.

Konsep Mati (*al-Mawt*) Menurut Perspektif ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a.)

Secara ringkasnya, al-Qur’ān turut mengemukakan pengertian yang hampir sama tanpa sebarang perubahan maksud.

Menurut ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a), al-Qur’ān menunjukkan bahawa ‘hidup’ dan ‘mati’ merupakan dua ciptaan (*makhluq*) Allah SWT,⁹ dan dikatakan bahawa setiap makhluk yang bernyawa (*rūh*) pasti mati¹⁰ bahkan dunia juga akan diakhiri dengan mati.¹¹ Oleh itu, kematian adalah suatu kepastian, dan tiada sesuatu yang dapat melarikan diri daripadanya.¹² Justeru, al-Qur’ān menyifatkan mati sebagai sunnah Allah SWT yang umum bagi segala kejadian.¹³

Menurut ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a), ilmu mengenai mati adalah termasuk ilmu Allah SWT yang tidak dijelaskan kepada manusia kerana di kalangan manusia itu ada yang kuat dan lemah, ada yang mampu dan tidak mampu. Bagaimanapun, Allah SWT telah memberikan keistimewaan khususnya kepada para wali-Nya dengan kemudahan dan pertolongan untuk memahaminya.¹⁴

Di samping itu, beliau menjelaskan lagi bahawa mati merupakan perkara ghaib yang paling hampir dengan manusia,¹⁵ bahkan dikatakan ia boleh berlaku pada setiap detik (*lahzah*), masa (*waqt*) dan pada setiap jiwa (*nafs*)¹⁶ yang hidup.¹⁷ Justeru itu

⁹ Al-Qur’ān, surah al-Mulk (67): 1-2; Ibn Ḥazm (t.t), *al-Fasl Fi al-Milal wa al-Ahwā’ wa al-Nihāl*, Baghdad: Maktabah al-Muthannā, IV, h. 83; al-Majlisi, *op.cit.*, VI, h. 79.

¹⁰ Al-Qur’ān, surah Ali ‘Imrān (3): 185; al-Amudi (1413/1992), *Għurar al-Hikam wa Durar al-Kalim: al-Mufahras min Kalām Amir al-Mu’mīnīn ‘Ali bin Abī Tālib ('alayh al-salām)*, Beirut: Dār al-Hadith, cet.I, h. 305.

¹¹ Muḥammad ‘Abduh (1382/1963), *Syarh Nahj al-Balāghah*, Beirut: Dār al-Andalus, h. 375; al-Syarīf al-Rādi (1387/1967), *Nahj al-Balāghah*, Tahqīq: Șubhi Ṣālih (Dr.), Beirut, cet. I, (Khutbah no.156), h. 219; Ibn Abi al-Ḥadid (1385-87/1965-67), *Syarh Nahj al-Balāghah*, Tahqīq: Muḥammad Abū al-Fadl Ibrāhim, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabi, IX, h. 202 (Kematian dunia dikatakan hanya apabila taklif tidak lagi wujud (*inqīta' al-taklīf*)).

¹² Al-Qur’ān, surah al-Jumu’ah (62): 8; Yūnus (10): 49; al-Nahl (16): 61; al-Kulayni (1413/1992), *Furu’ al-Kāfi*, Beirut: Dār al-Adwa’, III, h.262; al-Muhammadi (1362-1405/1942-1984), *Mizān al-Hikmah*, Qum: Maktab al-A’lām al-Islāmī, IX, h. 232; al-Mughnīyyah (1399/1979), *Fi Zīlal Nahj al-Balāghah: Muḥāwalah li-Fahmin Jadidin*, (4 vol.), Dār al-‘Ilm li-al-Malāyin, cet. III, III, h. 83.

¹³ Lihat: Al-Qur’ān, surah al-Nisā’ (4): 78; Ali ‘Imrān (3): 185, 15; al-Anbiyā’ (21): 34; al-Ahzāb (33): 60; al-Zumar (39): 16; al-Wāqi’ah (56): 8; al-Jumu’ah (62): 42.

¹⁴ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.142; al-Muhammadi, *op.cit.*, IX, h. 242.

¹⁵ Al-Majlisi, *ibid.*, LXXI, h. 263.

¹⁶ Al-Amudi, *Għurar al-Hikam*, h. 273.

¹⁷ *Ibid.*, h. 65; h. 273.

dikatakan setiap pernafasan (*nafas*) manusia itu membawanya kepada ajal.¹⁸

Mati menjadi titik pemisah di antara dua perkara iaitu masa, keadaan dan kediaman dunia yang terakhir dan masa, keadaan dan kediaman akhirat yang terawal.¹⁹ Ia bertindak sebagai pintu ke alam akhirat (*bāb al-akhirah*). Ini memberikan implikasi bahawa sekiranya kematian tidak berlaku sudah tentu persoalan-persoalan yang berkaitan dengan alam akhirat tidak akan berlaku. Dengan berlakunya kematian, keadilan di alam akhirat yang terawal mulai dilaksanakan²⁰ dan Kiamat (*al-Qiyāmah*) bagi setiap manusia pun bermula.²¹

Menurut beliau lagi, mati dianggap sebagai perpindahan daripada suatu kejadian (*nasy'ah*) dalam bentuk hidup kepada suatu kejadian yang lain berdasarkan keterangan Allah

عَلَىٰ أَنْ بُدِّلَ أَمْتَلُكُمْ وَنُسْتَعْنُكُمْ فِي مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾

“Untuk menggantikan kamu dengan orang-orang yang seperti kamu (dalam dunia) dan menciptakan kamu kelak (di akhirat) dalam keadaan yang tidak kamu ketahui.” (*al-Wāqi’ah* (56): 61)²²

Terdapat beberapa keterangan yang diberikan kepada persoalan kematian. Sebahagian mengatakan mati suatu bentuk penyucian (*al-misfat*)²³ daripada kekotoran yang meliputi perbuatan dosa dan ia boleh dianggap sebagai tempat mandian (*al-hammām*) yang biasa digunakan untuk menghilangkan sebarang bentuk kekotoran.²⁴ Oleh kerana itu, ia dikatakan peluang terakhir bagi setiap manusia untuk membebaskan diri daripada sebarang dosa dan menyucikan diri daripada segala bentuk keburukan.²⁵

¹⁸ Muhammad ‘Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h. 695; al-Syarīf al-Rādi, *Nahj al-Balāghah*, (Hikam no. 74), h. 480; Ibn Abi al-Hadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XVIII, h. 221; al-Majlisi, *op.cit.*, LXXIII, h. 128.

¹⁹ Ja‘far al-Subhāni (1412/1991), *al-Ilāhiyyat ‘ala Hadyi al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-‘Aql*, Matba‘ah al-Quds, cet. III, IV, h. 220.

²⁰ Al-Amudi, *Għurar al-Hikam*, h. 65.

²¹ Al-Muhammadi, *Mizān al-Hikmah*, IX, h. 225.

²² Al-Tabatabā'i (t.t), *Shi‘ah fī al-Islām*, Beirut: Dār al-Ta‘arruf li-al-Matbu‘āt, h. 163.

²³ Al-Saduq (1391/1971), *Ma‘āni al-Akhbār*, Najaf, h. 275; al-Muhammadi, *op.cit.*, IX, h. 235.

²⁴ Al-Saduq, *ibid.*, h. 276; al-Muhammadi, *ibid.*, IX, h. 236.

²⁵ Sayyid Mujtabā (1413/1992), *Resurrection, Judgement and The Hereafter: Lessons on Islamic Doctrine*, (Terj. Hamid Algar), Foundation of Islamic Cultural Propagation in The World, h. 15.

Konsep Mati (*al-Mawt*) Menurut Perspektif ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a.)

Penyucian ini bergantung kepada dua golongan manusia iaitu mukmin dan kafir. Bagi orang mu’mín, mati bertujuan untuk menyucikan mereka daripada perbuatan dosa manakala bagi orang kafir pula, mati bertujuan untuk menyucikan mereka daripada segala bentuk kebaikan yang dilakukan sepanjang hidupnya agar dengan demikian, tidak ada lagi kebaikan yang masih tinggal baginya selepas itu untuk membolehkan proses pengadilan dilakukan. Selanjutnya beliau (r.’a) menjelaskan mati juga merupakan suatu bentuk perpindahan kerana ia memindahkan penghuninya daripada dunia yang merupakan tempat yang penuh dengan kesukaran dan keperitan ke syurga di alam akhirat yang merupakan tempat yang penuh dengan kenikmatan dan kebahagiaan. Keadaan tersebut bolehlah diibaratkan seperti perpindahan seseorang dari penjara ke istana.²⁶

Pada masa yang sama, mati juga boleh dikatakan sebagai perpisahan (*mufāraqah*) dari dunia sebagai sebuah tempat yang fana (*dār al-fanā’*) ke akhirat, tempat yang kekal dan abadi (*dār al-baqā’*).²⁷ Selain itu, mati juga boleh diibaratkan seperti tidur tetapi kedua-duanya hanya dibezakan dari segi masa, kerana masa tidur adalah pendek manakala masa mati adalah panjang dan hanya akan berakhir pada Hari Kiamat.²⁸

Secara ringkasnya, penjelasan beliau menunjukkan bahawa mati mempunyai ciri-ciri penyucian, perpindahan dan perpisahan, dan ia merujuk kepada perbezaan di antara dua keadaan, tempat dan masa yang berbeza sama sekali iaitu alam dunia dan alam akhirat, balasan nikmat dan balasan azab serta masa pendek dan sementara dengan masa yang panjang dan yang kekal abadi.

Berhubung dengan persoalan mati, ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a) mengatakan: “Kematian adalah dengan terjadinya satu daripada tiga perkara berikut (kepada orang yang mati), sama ada ia merupakan berita gembira dengan rahmah dan kebahagiaan yang berkekalan, atau berita buruk dengan azab siksaan yang berkekalan, ataupun dalam keadaan dia digugat oleh ketakutan yang tidak pasti dan dia tidak tahu kumpulan dia digolongkan.”

Menurut beliau (r.’a), manusia memang dicipta untuk akhirat dan bukannya untuk dunia. Oleh yang demikian, mereka diciptakan untuk mengalami kematian dan bukannya kehidupan dan sememangnya mereka telah dijanjikan demikian.²⁹ Mati

²⁶ Al-Saduq, *Ma ’ānī al-Akhbār*, h. 274; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h. 234.

²⁷ Al-Amudi, *Ghurar al-Hikam*, h. 65.

²⁸ Al-Saduq, *op.cit.*, h. 275; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h.155; al-Muhammadī, *op.cit.*, IX, h. 235.

²⁹ Al-Amudi, *Ghurar al-Hikam*, h. 138; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h. 232; al-Suyūṭī (1380/1960), *Syarḥ al-Sudūr bi-Syarḥ Hāl al-Mawta wa al-Qubūr*, Qāhirah: ‘Isā al-Bābī al-Halabī, h. 5.

sebagai ciptaan (*makhluq*) Allah SWT tidak mengenal sama ada orang itu takut atau berani kerana orang yang takut tidak akan terlepas dan orang yang berani pula tidak akan dapat kekal bertahan.³⁰ Justeru itu, walau apa sahaja usaha yang dilakukan, manusia tidak dapat dan tidak akan sekali-kali dapat melepaskan diri³¹ dan tidak pula dapat menghalanginya.³² Beliau menjelaskan bahawa sekiranya manusia mampu berbuat demikian, tentunya Nabi Sulayman bin Da'ud ('a.s) telah melakukannya kerana baginda dapat menguasai jin dan manusia.

Berhubung dengan persoalan pengambilan roh-roh makhluk, al-Qur'an mengemukakan beberapa penjelasan mengenainya. Sebahagian ayat menggambarkan Allah SWT sendiri mematikan makhluk-makhluk-Nya yang bernyawa (*al-anfus*).³³ Dalam ayat yang lain, disebutkan bahawa malaikat maut yang melakukannya³⁴ sedangkan ayat seterusnya menunjukkan malaikat-malaikat (*rusul*) mematikannya.³⁵

Dalam menghuraikan persoalan tersebut, 'Ali bin Abi Talib (r.'a) mengatakan bahawa Allah SWT melakukan segala urusan mengikut kehendak-Nya. Untuk tujuan itu, Allah SWT telah memilih malaikat maut secara khusus sebagai wakil-Nya untuk melaksanakan tugas itu mengikut kehendak-Nya. Malaikat maut pula diwakili dan dibantu oleh para malaikat yang menjadi utusan (*rusul*) dan pembantunya (*a'wān*) untuk melaksanakan tugas mengambil roh-roh makhluk-Nya.³⁶

Secara perbandingan, beliau menyamakan kedudukan para malaikat tersebut seumpama kedudukan anggota polis yang mempunyai ramai pembantu terdiri daripada manusia. Dengan cara yang hampir sama, Allah SWT melantik para malaikat-Nya untuk melakukan tugas tersebut dan mereka melakukannya berdasarkan perintah Allah SWT.³⁷

³⁰ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h. 162; al-Syarīf al-Rādi, *Nahj al-Balāghah*, (Khutbah no. 38), h. 81. Menurut Ibn Abī al-Hadid, ia berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an berikut: Surah Ali 'Imrān (3): 154; al-Nisā' (4): 78; al-A'rāf (7): 34. (Lihat: *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, II, h. 299).

³¹ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h. 583; al-Syarīf al-Rādi, *ibid.*, (Kitab no. 31), h. 400; Ibn Abī al-Hadid, *ibid.*, XVI, h. 89.

³² Muhammad 'Abduh, *ibid.*, h. 425; al-Syarīf al-Rādi, *ibid.*, (Khutbah no. 182), h. 262; Ibn Abī al-Hadid, *ibid.*, X, h. 76; al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, XIV, h. 71.

³³ Al-Qur'an, surah al-Zumar (39): 42.

³⁴ Al-Qur'an, surah al-Sajdah (32): 11.

³⁵ Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 61.

³⁶ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h. 144; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, hh. 242-243.

³⁷ Lihat; Al-Qur'an, surah al-Zumar (39): 42; al-Sajdah (32): 11; al-An'am (6): 61; al-A'rāf (7): 37; Yūnus (10): 104; al-Nahl (16): 28-32.

Konsep Mati (*al-Mawt*) Menurut Perspektif ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a.)

Oleh kerana roh-roh manusia dibahagikan kepada dua, baik dan jahat, para malaikat yang ditugaskan untuk mengambil roh tersebut juga dikatakan terdiri daripada dua kategori malaikat iaitu malaikat rahmat (*malā’ikat al-rahmah*) dan malaikat azab (*malā’ikat al-niqmah*). Malaikat rahmat ditugaskan mengambil roh orang-orang yang baik dan taat (*ahl al-tā’ah*) manakala malaikat azab pula mengambil roh orang-orang yang jahat dan ingkar (*ahl al-ma’siyah*).³⁸

Semua malaikat itu adalah para pembantu malaikat maut yang mematuhi perintahnya dan melakukan apa yang dia lakukannya. Justeru itu, perbuatan mereka merupakan perbuatan malaikat maut, manakala perbuatan malaikat maut pula menjadi gambaran perbuatan Allah SWT kerana Allah SWT mematikan makhluk bernyawa yang Dia kehendaki.³⁹

Berhubung dengan cara pengambilan roh manusia pula, ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a) menerangkan bahawa malaikat maut tidak menghadapi sebarang kesukaran untuk mengambil roh-roh manusia walaupun sebahagian roh itu berada di barat dan sebahagian lagi berada di timur.⁴⁰ Ini kerana dunia ini dikatakan berada dalam tangan mereka sama seperti sebuah piring besar (*qas’ah*) yang berada pada tangan manusia yang membolehkannya melakukan apa sahaja mengikut kehendaknya ataupun seperti duit bernilai satu dirham dalam genggaman tangan manusia, yang boleh dibalik-balikkan sesuka hati.

Secara umumnya, beliau membahagikan manusia di dunia ini kepada dua golongan:⁴¹

Pertama: Orang yang bersenang-lenang (*araha*) - terdiri daripada orang-orang kafir yang dengan kematian mereka segala makhluk lain seperti pokok, binatang dan kebanyakan manusia memperolehi kegembiraan.

Kedua: Orang yang melepaskan diri daripada bebanan (*istaraha* atau *al-mustarīḥ*)
- orang-orang mu’mín yang dengan kematiannya itu dapat melepaskan diri (*istaraha*) daripada dunia dan ujian-ujiannya.⁴²

Beliau mengatakan mati merupakan salah satu daripada tiga tempat yang menyebabkan manusia berada dalam keadaan resah dan gelisah⁴³ dan salah satu

³⁸ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h. 140; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h. 241.

³⁹ Al-Majlisi, *ibid.*, VI, h. 140.

⁴⁰ *Ibid.*, VI, h. 144; al-Muhammadī, *op.cit.*, IX, h. 243.

⁴¹ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h. 151; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, h. IX, 244.

⁴² Al-Majlisi, *ibid.*, VI, h. 151; al-Muhammadī, *ibid.*, IX, h. 244; al-Suyūṭī, *Syarḥ al-Sudūr*, h. 5.

⁴³ *Ibid.*, VI, h. 158; al-Muhammadī, *ibid.*, IX, h. 227.

daripada tiga masa yang paling berat bagi mereka.⁴⁴ Sehubungan dengan itu, ia dibenci oleh manusia sama seperti mereka membenci kemiskinan (*al-faqr*) dan ujian (*al-balā'*)⁴⁵ kerana ia merupakan faktor yang menghalangi manusia daripada memenuhi keinginan syahwat mereka. Di samping itu, ia juga ditakuti disebabkan amalan-amalan buruk yang mereka lakukan.⁴⁶

Dengan kata-kata lain, sekiranya dibiarkan manusia tanpa kematian, tentulah mereka akan sentiasa menjebakkannya diri mereka dengan perbuatan dosa dan maksiat. Oleh yang demikian, mati bermatlamat untuk menjadi peringatan (*wa 'iz*)⁴⁷ bagi mencegah manusia terbabit dalam perbuatan keji dan mungkar.

Oleh kerana mati adalah perkara yang selalu dilupakan oleh manusia, ‘Ali bin Abi Talib (r.’a) memberikan peringatan tentang mati agar setiap manusia membuat persediaan untuk menghadapinya. Tambahan lagi beliau mengatakan bahawa manusia itu sendiri adalah buruan⁴⁸ dan juga gadaian kepada maut.⁴⁹

Beliau menegaskan bahawa secara umumnya, faktor kejahilan merupakan punca manusia membenci kematian. Namun bagi orang yang mengetahui nikmat mati, mereka akan bersedia untuk mati bahkan akan memohon untuk tujuan tersebut kerana mereka memahami bahawa alam akhirat adalah lebih baik daripada alam dunia.⁵⁰

Nabi Muhammad (s.’a.w) dan ‘Ali bin Abī Tālib (r.’a) menjelaskan kematian orang-orang yang baik (*al-abrār*) yang terdiri daripada orang-orang *mu'min* dan *mukhlis* yang diberikan pengampunan oleh Allah SWT adalah kerehatan (*rahah*) bagi diri mereka kerana kematian telah melepaskan diri mereka daripada dunia dan segala ujian yang terdapat di dalamnya bahkan mati itu sendiri telah menyelamatkannya daripada terus bergelumang dengan perkara-perkara tersebut.⁵¹

Orang mukmin yang mati atau dengan kata-kata lain, yang keluar daripada alam ini boleh diibaratkan seperti anak yang baru lahir daripada perut ibunya yang gelap dan

⁴⁴ *Ibid.*, VI, h. 159; al-Muhammadī, *ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*, VI, h. 87.

⁴⁶ Sayyid Mujtabā, *Resurrection*, h. 16.

⁴⁷ Al-Majlisi, *op.cit.*, VI, h. 89.

⁴⁸ Muhammad 'Abduh, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, h. 565, 455; al-Syarīf al-Rādi, *Nahj al-Balāghah*, (Kitab no. 27); h. 384; (Khutbah no. 192), h. 287; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, XVI, h. 163; *Nahj al-Hayāh*, h. 50.

⁴⁹ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, IV, h. 88.

⁵⁰ Al-Saduq, *Ma 'āni al-Akhbār*, h. 276; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h. 236.

⁵¹ Al-Majlisi, *op.cit.*, VI, h. 89.

Konsep Mati (*al-Mawt*) Menurut Perspektif ‘Ali bin Abī Ṭālib (r.a.)

ter tutup kepada alam dunia.⁵² Ini bererti mereka berada dalam keadaan yang bersih dan bebas daripada keburukan.

Selain itu, mati bagi orang mukmin yang bertakwa juga merupakan wangian yang harum (*rayhānah*)⁵³ hingga boleh menghilangkan kepenatan dan kesakitan,⁵⁴ hadiah yang paling berharga (*tuhfah*),⁵⁵ kerehatan,⁵⁶ kesenangan (*murih*)⁵⁷ dan manfaat yang terbaik untuk mereka.⁵⁸ Ini berdasarkan keterangan Allah SWT seperti berikut:

وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلأَبْرَارِ

“Dan apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang baik (*al-abrar*).” (Ali ‘Imrān (3): 198)

Bukan itu sahaja, bahkan malaikat maut juga dikatakan menjadi teman (*rafiq*) bagi orang-orang *mu'min* dan ia tidak pernah melakukan kezaliman terhadap mereka. Mereka hanya menjalankan tugas tersebut mengikut ketetapan Allah SWT, bahkan sebelum mengambil roh manusia, ia memberikan penghormatan dengan salam dan kemudian menyampaikan berita gembira dengan balasan syurga⁵⁹ dan pertemuan dengan Allah SWT kepadanya.⁶⁰ Roh yang keluar daripada diri mereka tidak dirasai seperti diterangkan oleh al-Qur'an berikut:

يَأَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطَمَّنَةُ أَرْجِعِي إِلَى رَبِّكَ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً

“Hai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya.” (al-Fajr (89): 27-28)

Dalam satu keterangan yang lain, orang-orang mukmin tidak merasai kesakitan dan kesengsaraannya kerana para malaikat memberikan minuman *al-kawthar* dan

⁵² Al-Muhammadi, *op.cit.*, IX, h. 238.

⁵³ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LXXXII, h. 168; al-Muhammadi, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h. 239; al-Suyūti, *Syarh al-Sudur*, h. 5.

⁵⁴ Al-Majlisi, *ibid.*, VI, h. 152; al-Muhammadi, *ibid.*, IX, h. 235.

⁵⁵ Al-Amudi, *Għurar al-Hikam*, h. 113; al-Suyūti, *ibid.*, h. 5; al-Muhammadi, *ibid.*, IX, h. 239.

⁵⁶ Al-Amudi, *ibid.*, h. 273.

⁵⁷ *Ibid.*, h. 431, 65.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 381.

⁵⁹ Al-Majlisi, *op.cit.*, VI, h. 167; al-Muhammadi, *op.cit.*, IX, h. 238; al-Qur'an, surah Yūnus (10): 64.

⁶⁰ Al-Majlisi, *ibid.*, VII, h. 27; al-Muhammadi, *ibid.*, IX, h. 239.

al-khamr untuk menghilangkannya.⁶¹ Oleh itu, bagi orang yang redha, mereka akan diberikan ganjaran oleh Allah SWT, manakala bagi orang yang berduakacita dan marah akan diberikan ganjaran keburukan, malah dipercepatkan lagi kematian mereka.⁶²

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, adalah tidak menghairankan sekiranya beliau (r.'a) menjelaskan bahawa orang-orang mukmin yang mati tidak dianggap sebagai mayat (*mayyit*) kerana perkataan mayat itu tidak layak bagi mereka sebaliknya hanya wajar diberikan kepada orang kafir semata-mata.⁶³

Berdasarkan keterangan al-Qur'an, mati bagi orang-orang kafir dianggap sebagai kerehatan kepada mereka daripada melakukan perbuatan-perbuatan jahat seperti yang dijelaskan dengan maksud:

الَّذِينَ تَوَفَّهُمُ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنفُسِهِمْ فَأَلْقُوا أَسْلَمَ مَا كُنَّا نَعْمَلُ مِنْ
سُوءٍ بَلْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ TA

"iaitu orang-orang yang dimatikan oleh para malaikat dalam keadaan berbuat zalim kepada diri mereka sendiri, lalu mereka menyerah diri (sambil berkata): Kami sekali-kali tidak mengerjakan sesuatu kejahatan pun. (Malaikat menjawab): Ada, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang telah kamu kerjakan." (al-Nahl (12): 28)

Berdasarkan keterangan al-Qur'an, 'Ali bin Abi Tālib (r.'a) turut mengukuhkan kenyataannya dengan mengatakan bahawa ia juga adalah kerehatan bagi mereka daripada terus melakukan penganiayaan ke atas diri mereka sendiri.⁶⁴ Selain dari itu, bagi orang-orang yang berumur panjang dan cenderung mengikuti nafsu syahwat, mati menghalangi mereka daripada melakukan lebih banyak jenayah terhadap diri mereka.⁶⁵

Al-Qur'an menurut keterangan 'Ali (r.'a) menunjukkan, mereka diazab oleh Allah (SWT) ketika roh mereka dicabut oleh malaikat maut sambil muka dan punggung mereka dipukul.⁶⁶ Terdapat pelbagai bentuk azab siksaan (*nigmah*) yang tidak tertahan

⁶¹ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VII, h. 27; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmāh*, IX, h. 239.

⁶² Al-Majlisi, *ibid.*, VI, h. 139; al-Muhammadī, *ibid.*, IX, h. 243; al-Kulaynī, *Furū' al-Kāfi*, III, h. 136.

⁶³ Al-Saduq, *Ma 'āni al-Akhbār*, h. 276; al-Muhammadī, *ibid.*, IX, h. 237.

⁶⁴ Al-Qur'an, surah al-Nisā' (4): 97.

⁶⁵ Al-Amudi, *Għurar al-Hikam*, h. 133; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmāh*, IX, h. 241.

⁶⁶ Al-Qur'an, surah Muḥammad (47): 27.

Konsep Mati (*al-Mawt*) Menurut Perspektif ‘Ali bin Abī Ṭālib (r.‘a.)

dikenakan kepada mereka⁶⁷ seperti sengatan kala dan gigitan jengking bahkan lebih teruk dan berat daripada itu.⁶⁸ Selanjutnya dijelaskan bahawa al-Qur'an juga mengatakan mati turut mengakhiri kezaliman mereka terhadap diri mereka sendiri:

مَا يُبَدِّلُ الْقَوْلُ لَدَيْ وَمَا أَنْبَأَ بِظَلَمٍ لِّلْعَبِيدِ

“Keputusan di sisi-Ku tidak dapat diubah dan Aku sekali-kali tidak menganiayai hamba-hamba-Ku.” (Qaf (50): 29)

Ayat tersebut memperlihatkan bahawa kezaliman bukan daripada Allah SWT sebaliknya daripada manusia sendiri, dan manusia yang menjadi kafir itu telah melakukan kezaliman terhadap diri mereka. Al-Qur'an juga dikatakan turut menerangkan bahawa mati itu mempunyai kebaikannya yang tersendiri kepada mereka kerana dikatakan:

وَلَا تَحْسِنَ اللَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمْلِي هُمْ خَيْرٌ لَا نَفْسِهِمْ إِنَّمَا نُمْلِي هُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا وَلَمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ

“Dan janganlah sekali-kali orang-orang kafir menyangka bahawa pemberian tangguh Kami kepada mereka adalah lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Kami memberi tangguh kepada mereka hanyalah supaya bertambah-tambah dosa mereka dan bagi mereka azab yang menghinakan.” (Ali ‘Imrān (3): 178)

Kerehatan bukan sahaja untuk mereka bahkan juga untuk alam seluruhnya⁶⁹ termasuklah tumbuh-tumbuhan, binatang dan lain-lain.

Dalam persoalan tentang hikmah Allah SWT mewujudkan kematian, beliau menerangkan:

Pertama: Allah menciptakan mati dan hidup bermatlamat untuk menguji, membezakan dan menentukan manusia berdasarkan amalan dan perbuatan mereka terhadap perintah dan larangan yang Allah SWT kemukakan untuk diberikan pembalasan.⁷⁰

⁶⁷ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h. 175; h. 78; al-Muhammadi, *op.cit.*, IX, h. 240.

⁶⁸ Al-Majlisi, *ibid.*, VI, h. 152; al-Muhammadi, *ibid.*, IX, h. 235.

⁶⁹ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, LXXXII, h. 181; al-Muhammadi, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h. 244.

⁷⁰ Al-Tabatabā’ī (1393/1973), *al-Mīzān fī Tafsīr al-Qur’ān*, Tehran: Dār al-Kutub al-Islamiyyah, cet. II, XIX, hh. 349-350; al-Muhammadi, *ibid.*, IX, h. 228; al-Qur'an, surah al-Mulk (67): 2.

Kedua: Untuk menghindarkan dunia ini daripada menjadi sempit kerana dipenuhi oleh keturunan manusia yang banyak. Keadaan tersebut hanya akan menyebabkan setiap individu menghabiskan masa mencari kehidupan untuk menyara hidup keluarga mereka yang besar meliputi beberapa generasi.⁷¹

Ketiga: Untuk menjadi peringatan (*wa ḫiz*) kepada semua makhluk khususnya manusia dan jin supaya dengan demikian, mereka sentiasa beringat dan berwaspada dalam setiap perlakuan dan perbuatan. Dengan kata-kata lain, mereka berusaha melakukan kebaikan dan menghindari keburukan.

Begitu juga, manusia tidak diberitahu tentang saat kematiannya kerana terdapat beberapa hikmah terlindung di sebaliknya.

Pertama: Sekiranya manusia mengetahui masa kematiannya, mungkin dia gagal dalam tugasnya sebelum ajalnya sampai. Harapan adalah suatu rahmat dan ia (*al-'amal*) menjadi faktor penggerak dalam kehidupan.

Kedua: Kejahilan itu sebagai sesuatu yang berbentuk pendidikan kerana sekiranya diketahui masa matinya, sudah tentu dia tidak menjadi bongkak. Keadaan ini tidak mendatangkan kesempurnaan kepada aspek spiritual dan kebangkitan kemuliaan mengatasi kehinaan. Ini berlainan dengan orang yang mengikuti jalan ketaatan, menjauhi maksiat, mengharapkan hidup yang lebih lama, berusaha menyempurnakan spiritual dan segala-galanya.⁷² Sekiranya dia mengetahui saat kematiannya, tentulah dia berani melakukan dosa dan keingkarhan, kemudian bertaubat *nasuha* sebelum tempoh ajalnya sampai.⁷³

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, ‘Ali bin Abī Ṭālib (r.’a) menjelaskan bahawa mati (*al-mawt*) adalah di antara persoalan-persoalan yang termasuk dalam ilmu Allah SWT yang tidak diperlukan kepada manusia tetapi dipermudahkan pemahamannya kepada orang-orang tertentu. Ia menjadi pemisah dunia dan akhirat dan sebagai pintu ke alam akhirat. Mati dikatakan mempunyai ciri-ciri penyucian, perpindahan dan pemisahan. Manusia diciptakan untuk mati dan untuk akhirat. Justeru, tiada seorang pun dapat melepaskan atau menahan diri daripadanya.

⁷¹ Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VI, h. 116; al-Muhammadī, *Mīzān al-Hikmah*, IX, h. 227.

⁷² Lihat: Al-Qur'an, surah Luqmān (31): 34.

⁷³ Ja'far Subhāni, *al-Ilāhiyyat*, IV, h. 231 (Bahagian nota kaki).